

21 DEC 2003

Abdullah-Penghargaan/I

ABDULLAH ISYTIHAR TUN DR MAHATHIR SEBAGAI BAPA PEMODENAN MALAYSIA

PUTRAJAYA, 21 Dis (Bernama) -- Sebagai penghargaan dan dan rasa terima kasih Kerajaan Malaysia di atas sumbangan Tun Dr Mahathir Mohamad kepada negara, Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi malam ini mengisytiharkan bekas perdana menteri itu sebagai Bapa Pemodenan Malaysia.

Abdullah berkata cabaran yang dihadapi para pengganti Dr Mahathir, bermula dengannya, ialah menyatukan kejayaan dan lonjakan besar yang dicapai oleh Malaysia di bawah kepimpinan beliau (Dr Mahathir).

"Kita mesti mengurus kejayaan kita dengan sempurna demi masa depan generasi yang akan datang. Itulah cara terbaik untuk memelihara peninggalan beliau selain memastikan usaha dan pengorbanan itu tidak menjadi sia-sia.

"Kini ia menjadi hak istimewa saya untuk meneruskan usaha itu dalam usaha membawa Malaysia ke tahap yang lebih tinggi," katanya pada Jamuan Malam Jasamu Dikenang Sempena Persaraan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai perdana menteri keempat pada 31 Okt lepas, selepas mengetuai tampuk pemerintahan negara selama 22 tahun.

Majlis itu diserikan dengan keberangkatan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Fauziah Tengku Abdul Rashid.

"Saya mendapat inspirasi hasil wawasan, dedikasi, disiplin dan ketabahan beliau. Saya sedar beliau tidak suka didewa-dewakan. Beliau tidak selesa dengan puji-pujian melampau dan beliau menerima pujian dengan rendah diri.

"Bagaimanapun, saya berharap beliau akan memberikan kita peluang ini untuk menyuarakan penghargaan dan rasa terima kasih kita di atas sumbangan beliau kepada negara," kata Abdullah.

Yang turut hadir ialah isteri Dr Mahathir, Tun Dr Siti Hasmah Mohamed Ali, menteri-menteri kabinet, menteri besar dan ketua menteri, pegawai kanan kerajaan pusat dan negeri serta para pegawai diplomatik.

Abdullah turut mengambil peluang itu untuk mengucapkan setinggi penghargaan kepada Dr Siti Hasmah yang tidak pernah merungut atau mengeluh

kerana "meminjamkan" suaminya kepada negara selama 22 tahun.

"Kesetiaan, sokongan dan kasih sayang beliau telah membolehkan Tun Dr

Mahathir menumpukan segala daya usaha untuk memimpin negara ke arah kecemerlangan," katanya.

Dalam ucapan balasnya, Dr Mahathir berkata Abdullah perlu diberikan masa secukupnya sebagaimana dirinya sebelum ini, bagi melaksanakan segala

dasar dan rancangan kerajaan untuk pembangunan negara.

"Dengan izin, Pak Lah lebih tua dari saya berbanding ketika saya menjadi perdana menteri dulu. Tapi saya yakin dia akan diberi masa dan

peluang secukupnya dan dibantu oleh rakan-rakannya dalam kabinet serta

pegawai pentadbir negara, supaya segala rancangan yang dicadangkan olehnya

dan diluluskan oleh kabinet dapat dilaksanakan dengan jayanya," katanya.

Dr Mahathir berkata sebarang rancangan mustahil dilaksanakan dalam sekelip mata.

"Kerana tidak ada sesuatu yang dapat dilakukan overnight (tempoh yang

singkat) -- hari ini buat keputusan maka esok terjadi. Kita bukan tuhan.

Kita manusia biasa dan kita perlu masa.

"Dan berilah masa kepada pemimpin-pemimpin yang dipilih oleh kita untuk

memimpin negara kita ini," katanya sambil menyatakan kesyukuran kerana

diberi masa 22 tahun untuk memajukan Malaysia setakat yang termampu olehnya.

Dr Mahathir turut menyuarakan perasaan terharunya dengan majlis penghargaan yang diadakan untuknya itu.

-- BERNAMA

MAM LAT